Glosari, Akronim dan Singkatan

Artifak
Bukti yang ditinggalkan oleh penjenayah siber dalam rangkaian, sistem atau peranti seperti teks, kod berniat jahat dan fail

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam amanah saham dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Aset kewangan mudah tunai isi rumah
Aset kewangan isi rumah kecuali simpanan KWSP

Aset mudah tunai berkualiti tinggi
Aset yang boleh ditukar kepada tunai secara mudah dan cepat dengan sedikit atau tanpa kehilangan nilai

Bank asing diperbadankan di Malaysia
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia

Bank domestik yang penting dari segi sistemik
Bank yang berpotensi menyebabkan gangguan yang besar terhadap sistem kewangan domestik dan ekonomi secara lebih meluas jika ia mengalami kegagalan

Daya tahan siber
Keupayaan sebuah organisasi untuk terus melaksanakan misinya dengan dapat menjangkakan dan menyesuaikan diri terhadap ancaman siber dan perubahan lain yang berlaku dalam persekitaran, serta dengan menahan, membendung dan pulih dengan cepat daripada serangan siber

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan
Instrumen pemantauan risiko untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan pendorong tekanan pasaran

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2

Kebarangkalian mungkir
Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan dalam suatu tempoh masa tertentu

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Kumpulan perbankan domestik
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan
Jumlah pendapatan pengunderaitan bersih, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Margin faedah bersih
Perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, keuntungan tertahan dan rizab lain

Model jangkaan kerugian kredit
Purata berwajaran kerugian kredit dengan risiko mungkir yang berlaku masing-masing dijadikan sebagai wajaran

Nisbah bida kepada perlindungan
Nisbah yang mengukur kekukuhan permintaan untuk sekuriti semasa lelongan. Nisbah dikira mengikut nilai bida diterima semasa lelongan dibahagi dengan jumlah terjual

Nisbah gabungan
Jumlah tuntutan tertanggung dan perbelanjaan sebagai peratusan kepada premium/sumbangan takaful

Nisbah harga kepada nilai buku
Nisbah harga saham kepada nilai buku saham

Nisbah harga kepada nilai perolehan
Nisbah harga saham kepada nilai perolehan bank sesaham dalam tempoh 12 bulan yang lepas

Nisbah kecukupan modal
Ukuran kedudukan kesolvenan institusi kewangan, dinyatakan sebagai nisbah jumlah modal tersedia kepada jumlah modal diperlukan

Nisbah khidmat hutang
Nisbah obligasi jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun)

Nisbah kos kredit tahunan
Nisbah jejas nilai kerugian pinjaman tahunan dikenakan pada penyata pendapatan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
Nisbah pendanaan stabil tersedia *(available stable funding,* ASF*)* kepada pendanaan stabil yang diperlukan *(required stable funding,* RSF*)* bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran mengikut kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mengikut mudah tunai masing-masing

Nisbah perlindungan faedah
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
Nisbah aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high-quality liquid assets,* HQLA*)* bank kepada jangkaan aliran keluar tunai bersih bank untuk tempoh 30 hari akan datang

Nisbah pinjaman terjejas bersih
Nisbah pinjaman terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman ditolak peruntukan tertentu

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai

Nominal KDNK
Keluaran dalam negeri kasar pada harga semasa

Pelaku ancaman
Individu, kumpulan atau organisasi yang dipercayai beroperasi dengan niat jahat

Pelan kesinambungan perniagaan
Pelan tindakan menyeluruh yang menggariskan prosedur, proses dan sistem yang diperlukan untuk meneruskan atau memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan secara besar-besaran

Pelan pemulihan bencana
Pelan tindakan bertulis secara menyeluruh yang menggariskan prosedur dan proses untuk sistem IT dan keperluan-keperluan yang penting untuk menyokong dan memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan

Pembayaran merentas sempadan
Pembayaran yang dibuat apabila pembayar dan penerima pembayaran berada di negara yang berbeza

Pembolehubah makroekonomi
Penunjuk yang menunjukkan trend semasa ekonomi seperti unjuran pertumbuhan KDNK dan pengangguran

Pemburuan ancaman
Amalan pencarian aktiviti berbahaya atau mencurigakan secara proaktif dalam rangkaian, peranti dan data yang tidak berjaya dikesan oleh perisian keselamatan yang sedia ada

Peminjam berpendapatan sederhana
Peminjam yang berpendapatan RM5,000 hingga RM10,000 sebulan

Peminjam berpendapatan tinggi
Peminjam yang berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan

Penangguhan premium/caruman
Pilihan kepada para pelanggan yang terjejas akibat COVID-19 untuk menangguhkan bayaran premium atau sumbangan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga selama tiga bulan tanpa menjejaskan perlindungan

Pendapatan pengunderaitan bersih
Pendapatan premium insurans selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan lain, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Penentuan semula harga pelan perubatan
Penentuan semula kadar premium/sumbangan atau caj insurans/*tabarru'* untuk perlindungan insurans/takaful bagi pembayaran balik kos perubatan

Penyedia perkhidmatan pihak ketiga
Entiti-entiti, termasuk syarikat-syarikat sekutu yang menyediakan perkhidmatan rangkaian kepada sesebuah institusi kewangan di bawah pengaturan penyumberan luar

Penyelesaian bersih tertunda
Mekanism penyelesaian bersih yang menyelesaikan secara bersih pada akhir kitaran penyelesaian yang telah ditentukan

Penyelesaian kasar masa nyata
Penyelesaian secara masa nyata bagi transaksi pembayaran, arahan pemindahan atau obligasi lain berdasarkan setiap transaksi secara berasingan (iaitu secara kasar)

Penyerap kerugian yang lebih tinggi
Keperluan penampan modal yang dikenakan terhadap D-SIB melebihi keperluan pengawalseliaan minimum untuk meningkatkan penampan modal bagi operasi yang akan berterusan, bertujuan mengurangkan kebarangkalian untuk D-SIB tersebut gagal

Perkongsian kos
Salah satu ciri pembayaran balik perubatan bagi produk insurans/takaful, iaitu pemegang polisi/peserta takaful membayar sebahagian daripada kos perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dilindungi

Pertimbangan pengurusan
Peruntukan tambahan yang disediakan melebihi peruntukan asal berasaskan model jangkaan kerugian kredit *(expected credit loss,* ECL*)*. Pertimbangan pengurusan memberikan penyesuaian risiko model disebabkan oleh kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dirangkumi secukupnya oleh model ECL

Pinjaman tahap 2
Pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup, berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Pinjaman tahap 3
Pinjaman tahap 3 merujuk pinjaman yang menunjukkan bukti objektif nilai terjejas (iaitu terjejas kredit), berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Premium/sumbangan langsung kasar
Premium/sumbangan yang diperoleh sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung

Premium/sumbangan perniagaan baharu
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu, meliputi semua penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga langsung serta penanggung insurans semula hayat

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang sebahagian daripada nilai polisi/sijilnya ditentukan mengikut nilai aset pelaburan pada masa itu

Program pelaburan semula dividen
Program yang ditawarkan oleh bank yang membolehkan pemegang saham melabur semula dividen tunai ke dalam saham tambahan bank-bank tersebut

Risikan ancaman siber
Maklumat ancaman yang telah dikumpulkan, diubah, dianalisis, ditafsirkan dan diperkaya bertujuan untuk memberi konteks yang membolehkan keputusan dibuat

Risiko penyelesaian
Risiko bahawa penyelesaian dana bagi transaksi pemindahan dana atau sekuriti tidak akan berlaku seperti yang diharapkan. Risiko ini mungkin merangkumi risiko kredit dan risiko mudah tunai

Rumah yang tidak terjual
Terdiri daripada unit kediaman (termasuk SOHO dan pangsapuri berperkhidmatan) yang tidak terjual selama lebih dari sembilan bulan dari tarikh pelancaran atau selepas 1 Januari 1997. Unit-unit ini merangkumi (i) unit yang dilengkapi dengan Sijil Penyiapan Dan Pematuhan/Sijil Layak Menduduki Sementara dalam tempoh kajian; atau (ii) unit dengan kelulusan pelan bangunan yang sedang dibina

Sandbox
Persekitaran terhad dan terkawal yang membolehkan perisian yang mungkin berniat jahat digunakan dengan selamat tanpa menjejaskan sumber program atau persekitaran sebenar

Shellcode
Kod yang mengandungi mesej berniat jahat yang digunakan untuk mengeksploitasi kelemahan perisian

Sistem pembayaran runcit
Sistem pemindahan dana yang biasanya menangani sejumlah besar pembayaran secara relatif bernilai rendah dalam bentuk seperti cek, pindahan kredit, debit langsung dan transaksi pembayaran kad

Skim pelaburan kolektif
Skim pelaburan yang mengumpulkan dana para pelabur untuk diuruskan oleh pengurus dana berdasarkan mandat yang dipersetujui dengan pelabur

Sumber komersial
Data ancaman yang dikumpulkan daripada entiti komersial dan syarikat keselamatan siber yang menjual maklumat tersebut kepada pelbagai organisasi secara teratur

Sumber peribadi
Data ancaman yang dikumpulkan daripada entiti peribadi, yang tidak boleh dijumpai di tempat lain

Sumber terbuka
Data ancaman yang dikumpulkan daripada sumber awam

Syarikat korporat bukan kewangan
Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan

Tabarru'
Sesuatu derma, hadiah atau sumbangan. Dari segi takaful, *tabarru'* merujuk sumbangan daripada pemegang sijil untuk tujuan takaful

ASEAN
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations)

ATM
Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine)

BCP
pelan kesinambungan perniagaan *(business continuity plan)*

CAGR
kadar pertumbuhan tahunan terkompaun *(compounded annual growth rate)*

CAR
nisbah kecukupan modal *(capital adequacy ratio)*

CASA
akaun semasa dan simpanan *(current and savings accounts)*

CASTD
nisbah tunai kepada hutang jangka pendek *(cash-to-short-term debt ratio)*

CET1
Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1)

CISS
Sistem Pemarkahan Insiden Siber (Cyber Incident Scoring System)

CRISP
Cybersecurity Resilience and Information Sharing Platform

CSM
CyberSecurity Malaysia

CWG
Kumpulan Kerja Siber (Cyber Working Group)

DBG
kumpulan perbankan domestik *(domestic banking group)*

DNS
penyelesaian bersih tertunda *(deferred net settlement)*

DRP
pelan pemulihan bencana *(disaster recovery plan)*

D-SIB
bank domestik yang penting dari segi sistemik *(domestic systemically important bank)*

ECL
jangkaan kerugian kredit *(expected credit loss)*

FCY
mata wang asing *(foreign currency)*

FinTIP
Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform)

FMSI
Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)

FX
pertukaran asing *(foreign exchange)*

HLA
penyerap kerugian yang lebih tinggi *(higher loss absorbency)*

HQLA
aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high-quality liquid assets)*

ICR
nisbah perlindungan faedah *(interest coverage ratio)*

IHRM
Indeks Harga Rumah Malaysia

IKBB
institusi kewangan bukan bank

IL
berkaitan pelaburan *(investment-linked)*

IT
teknologi maklumat *(information technology)*

ITCL
tahap modal sasaran individu (*individual target capital level)*

ITO
penanggung insurans dan pengendali takaful *(insurers and takaful operators)*

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

LCR
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)

LIFB
bank asing diperbadankan di Malaysia *(locally-incorporated foreign bank)*

LTV
pinjaman kepada nilai *(loan-to-value)*

MEV
pembolehubah makroekonomi *(macroeconomic variables)*

MFRS
Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standard)

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)

MYR
Ringgit Malaysia

NACSA
Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)

NFC
syarikat korporat bukan kewangan *(non-financial corporate)*

NIM
margin faedah bersih *(net interest margin)*

NOP
kedudukan terbuka bersih *(net open position)*

NSFR
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)

P/B
harga kepada nilai buku *(price-to-book)*

P/E
harga kepada perolehan *(price-to-earnings)*

PayNet
Payments Network Malaysia Sdn Bhd

PEMERKASA+
Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan

PEMULIH
Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi

PKPP
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh

PKS
perusahaan kecil dan sederhana

PTF
Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing)

QR
Respon Pantas (Quick Response)

R&R
penjadualan dan penstrukturan semula *(rescheduling and restructuring)*

RENTAS
Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)

ROA
pulangan atas aset *(return on assets)*

ROE
pulangan atas ekuiti *(return on equity)*

RPP
Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform)

RPS
sistem pembayaran runcit *(retail payment system)*

SKMM
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

SOP
tatacara pengendalian piawai *(standard operating procedure)*

SRR
Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement)

TPSP
penyedia perkhidmatan pihak ketiga *(third party service provider)*

TRRF
Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility)

UST
Perbendaharaan Amerika Syarikat (United States Treasury)

WGBI
FTSE Russell's World Government Bond Index